

06 DEC 2001

Mahathir-Israel

TIDAK ADIL SURUH ARAFAT BENDUNG TINDAKAN ORANG-ORANGNYA -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hari ini berkata adalah tidak adil untuk menyuruh pemimpin Palestin Yasser Arafat membendung tindakan orang-orangnya apabila rakyatnya itu selalu terdedah kepada serangan Israel.

"Bila orang Israel bunuh anak-anak orang Palestin, saudara-mara dan kawan-kawan mereka, maka timbul perasaan marah di kalangan mereka dan tentu ada yang mengambil tindakan sendiri dengan mengeneppikan undang-undang," katanya.

Beliau berpendapat tindakan pihak Israel itu juga membuatkan orang Palestin mahu membalas dendam dan membuat serangan balas.

"Daripada serangan itu (serangan balas Palestin) mereka (Israel) nak bunuh Arafat dan menganggap pemimpin Palestin itu sebagai seorang pengganas," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 di Dewan Negara hari ini.

"Apa dayanya untuk membendung keganasan sedangkan orang Israel mengganas terhadap orang Palestin dan tak ada satu apa tindakan pun diambil ke atas Israel," katanya.

Perdana Menteri telah diminta mengulas serangan terbaru Israel terhadap Palestin.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya krisis Israel-Palestin itu dibincangkan, Dr Mahathir berkata; "kalau kita pergi UN pun, kita tahu SC (Majlis Keselamatan) tak akan benarkan apa-apa tindakan diambil sebab mereka mempunyai kuasa veto."

Tindakan ketenteraan Israel itu dilancarkan setelah regim Yahudi itu digegarkan oleh tiga serangan berani mati minggu lalu yang mengorbankan 25 orang.

Sungguhpun kumpulan Hamas dilaporkan bertanggungjawab bagi serangan itu, Israel menyalahkan Arafat dengan berkata beliau membenarkan mereka melakukannya tanpa sebarang sekatan.

Sebuah peluru berpandu telah meletup hanya beberapa meter dari pejabat Arafat ketika pemimpin Palestin itu berada di pejabatnya.

Arafat tidak mengalami sebarang kecederaan tetapi seorang budak berusia 15 tahun dan seorang anggota polis terbunuh di Gaza manakala berpuluh lagi cedera akibat serangan serentak terbesar yang dilancarkan oleh regim Yahudi sejak bermulanya kebangkitan rakyat Palestin menentang pendudukan Israel.

Perdana Menteri turut diminta menjelaskan mengenai ucapannya pada persidangan Dewan Negara mengenai Malaysia yang tidak mahu dijadikan sebagai Afghanistan kedua.

"Nampaknya ada sesetengah orang tak senang hati lihat keamanan dalam negara kita... orang kita sendiri... dan mereka ingin lakukan perkara yang terdapat di Afghanistan."

Menurut beliau, ada yang belajar di negara itu dan apabila balik ke negara ini, mahu melakukan pemberontakan.

Walaupun beberapa orang telah ditahan namun masih ada lagi yang belum dapat dikesan, katanya.

Ada juga antara yang ditahan itu, telah dibebaskan selepas siasatan dibuat, kata beliau.

Sebelum itu, semasa pembentangan rang undang-undang perbekalan itu, Dr Mahathir berkata rakyat negara ini patut bersyukur kerana negara tetap aman berbanding beberapa negara Islam lain yang rakyat mereka menderita kerana

peperangan, keganasan atau bencana lain.

"Kita dapat menyempurnakan ibadah puasa tanpa sebarang kesulitan dan gangguan. Rakyat Malaysia terus hidup dalam suasana aman dan harmoni," katanya.

Menurut beliau semua itu adalah hasil kejayaan kerajaan membangunkan negara dan prihatin terhadap kesejahteraan rakyat.

Katanya kerajaan akan terus memantau kegiatan pelampau yang mahu menjadikan negara ini berada dalam kancah pergolakan.

"Jangan kita membiarkan mereka yang berpandangan sempit merosakkan perpaduan ummah dan menggugat kestabilan dan kemakmuran negara. Kita tidak mahu menjadikan Malaysia sebagai Afghanistan kedua," katanya.

-- BERNAMA

NZ NZ NMO